



Ruj. Kami: SPA.(S)KT/015/102/(3)

Tarikh: 9 Mei 2016

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, 6 & 7, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA**  
(u.p.: Puan Hasmarulaini binti Omar)

Tuan,

**PEWAKILAN KUASA MENAWARKAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN  
MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2016**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat JPA.BK(S)256/6-1 Jld.2 bertarikh 15 April 2016 mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia dalam mesyuarat yang ke-2756 pada 9 Mei 2016 telah **meluluskan** perwakilan kuasa kepada Ketua Jabatan bagi:

- (a) Perkhidmatan Awam Am Persekutuan; dan
- (b) Perkhidmatan Awam Negeri yang perkhidmatannya berada di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis) tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 diterima pakai di negeri-negeri berkenaan


untuk menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai dalam skim perkhidmatan yang terlibat bagi pelaksanaan rasionalisasi skim perkhidmatan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016.

3. Perhatian dan tindakan pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“BERSAMA MENGGALAS TRANSFORMASI”**

Saya yang menurut perintah,

  
**(HEMALATHA A/P RAMACHRISTNAN)**  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Setiausaha  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Malaysia.